

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 39-48

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.573>

HUBUNGAN IKLIM SEKOLAH DAN STRES GURU SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA NERUS, TERENGGANU

Mohd Faizul Mohd Noor

Mohd Saifulkhair Omar

Fauzi Bin Hussin

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Iklim sekolah dan stres guru dalam kalangan guru amat penting dalam memastikan kelancaran perjalanan organisasi di sekolah. Namun begitu iklim sekolah yang berada pada kedudukan yang membimbangkan yang seterusnya akan mempengaruhi stres guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti min tahap iklim sekolah dan stres guru dalam kalangan guru di sekolah. Secara khususnya kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap iklim sekolah, tahap stres guru di samping meneliti perbezaan min stres guru berdasarkan faktor demografi iaitu jantina. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Dalam kajian ini, iklim sekolah diukur dengan menggunakan instrumen yang telah dibentuk oleh Pashiardis (2000) yang mengandungi empat (4) dimensi, iaitu komunikasi (9 item), kerjasama (7 item), pentadbiran & organisasi (8 item) serta murid (6 item) dengan menggunakan skala Likert 5 point dengan skor skala 1 untuk sangat tidak setuju hingga skor 5 untuk sangat setuju. Manakala konsep stres diukur dengan menggunakan instrumen yang telah dibentuk oleh Conley (2000) yang mengandungi 5 item dengan menggunakan 5 skala Likert dengan skor 1 untuk tidak pernah hingga 5 untuk selalu. Seramai 105 (L= 17, P = 88) sampel yang terdiri dari guru-guru sekolah menengah di daerah Kuala Nerus terlibat dalam kajian ini. Data dianalisis dengan statistik min, Ujian-t bebas dan kolerasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min stres guru berdasarkan faktor jantina guru. Bagaimanapun dapatan menunjukkan terdapat hubungan negatif di antara iklim sekolah dan stres guru berdasarkan iklim sekolah. Kesimpulannya kajian ini menghasilkan satu kerangka teori yang signifikan bagi menunjukkan bahawa iklim sekolah mempengaruhi stres guru sekolah menengah.

KATA KUNCI: Iklim Sekolah, Stres

PENDAHULUAN

Iklim sekolah adalah satu elemen penting dalam sesebuah organisasi sekolah. Iklim sekolah yang harmoni akan menjadikan semua warga sekolah iaitu pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar merasa selamat, berkeyakinan dan bermotivasi positif serta tidak terasa terancam untuk hadir bekerja, mengajar dan belajar di sekolah.

Salah satu definisi yang paling biasa ditemui dalam kesusasteraan pendidikan berkaitan yang mentakrifkan iklim sekolah sebagai kualiti dan watak kehidupan sekolah yang berasal dari corak pengalaman hidup rakyat sekolah dan mencerminkan norma, matlamat, nilai, hubungan interpersonal, amalan pengajaran, pembelajaran dan kepimpinan, dan struktur organisasi (Cohen, McCabe, Michelli, & Pickeral, 2009, p.182).

Oleh itu, sokongan kolektif di sekolah, termasuk hubungan antara dan di kalangan pelajar dan orang dewasa, diakui sebagai aspek penting iklim sekolah (You, O'Malley, & Furlong, 2014). Turut termasuk dalam model teori dan pengukuran iklim sekolah adalah peluang untuk kekitaan dan rasa berkaitan, keselamatan sekolah, sumber fizikal sekolah, dan amalan disiplin (O'Malley, Katz, Renshaw, & Furlong, 2012; Zullig, Koop-man, Patton, & Ubbes, 2010).

Elemen-elemen tersebut akan menentukan sama ada suasana iklim berada dalam keadaan baik atau sebaliknya. Iklim sekolah yang tidak baik akan menyebabkan guru-guru berasa tidak selesa berada di

sekolah. Pelanggaran disiplin sekolah di kalangan murid akan menyebabkan keadaan bertambah dan kes-kes salah laku murid juga menyumbang ke arah ketidaktertenteraman iklim sesebuah sekolah.

Pemboleh ubah bersandar dan Pemboleh ubah tidak bersandar

Pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah stres guru dan manakala pemboleh ubah tidak bersandar adalah iklim sekolah.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan hubungan di antara iklim sekolah dan stres guru di daerah Kuala Nerus. Kajian ini juga bertujuan mengkaji tahap iklim sekolah dan stres guru di daerah Kuala Nerus serta sama ada wujud perbezaan yang signifikan dalam iklim sekolah dan stres guru mengikut sekolah berlainan gred. Kategori gred sekolah yang dipilih adalah sekolah menengah gred A dan sekolah gred B.

SOROTAN KAJIAN

Kajian iklim sekolah dan organisasi hubungan kelakuan kewarganegaraan dengan kalangan guru-guru sekolah menengah di Pontian, Johor telah dijalankan oleh Misura M.Yusop (2007). Kajian ini meneliti iklim organisasi yang merangkumi tujuh dimensi struktur, tanggungjawab, individu, ganjaran, standard prestasi, sokongan, identiti dan komunikasi yang telah diubahsuai dari terjemahan Poon dan Raja Azimah (1989), yang telah diasaskan oleh Litwin dan Stringer (1968). Kajian ini menunjukkan bahawa pihak-pihak yang terlibat dalam organisasi sekolah untuk menjadi lebih responsif kepada keperluan iklim sekolah yang kondusif dan selesa untuk guru-guru menjalankan tugas mereka, terutama yang melibatkan ganjaran dimensi, dimensi dan standard prestasi juga menyokong dimensi. Pengiktirafan perlu diberikan kepada guru-guru yang berpengalaman dan mengamalkan tingkah laku kewarganegaraan adalah tinggi, supaya ia boleh digunakan sebagai model dan juga sebagai susulan kepada semua guru-guru lain.

Di samping itu, Edaham Ismail (2009) telah menjalankan kajian tentang peranan iklim organisasi terhadap prestasi kerja di kalangan kakitangan Kementerian Pendidikan. Kajian ini juga telah menggunakan instrumen yang telah dibangunkan oleh Litwin dan Stringer (1968), iaitu "Organisasi Soal Selidik Iklim" yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan Malaysia (ITNM, 2009). Edaham telah menggunakan lima dimensi struktur, ganjaran, hubungan persahabatan, sokongan dan identiti.

Menurut Kyriacou (2001), stres di kalangan guru merupakan satu masalah memandangkan ia boleh mengakibatkan gangguan yang ketara terhadap kerjaya seseorang malah boleh menyebabkan prestasi kerja seseorang. Ianya boleh menyebabkan prestasi kerja guru tergugat berikutan timbulnya kesan-kesan negatif terhadap kesihatan, daya tahan, timbul rasa tidak puas hati, masalah ketidakhadiran dan sebagainya. Oleh itu, kajian stres di kalangan guru ini sering mendapat perhatian ramai penyelidik kerana mempunyai kepentingan.

Menurut Zuraimy, Azizi dan Mohd Nor (2016), bahawa tekanan kerja dimensi pengurusan masa dan tekanan kerjaya adalah selari dengan kajian lepas yang mendapati bahawa beban kerja, saiz kelas, dengan stres kerja, kekaburan peranan dan konflik, kekurangan sokongan rakan sekerja dan pihak pentadbiran dan salah laku pelajar memberi tekanan kepada guru.

Terdapat banyak kajian lepas yang dijalankan bagi mengenal pasti tahap dan punca-punca stres dalam kalangan guru. Isu stres dalam kalangan guru telah mendapat perhatian ramai dan mula dikaji seawal tahun 1970-an hingga ke hari ini (contohnya: Kyriacou & Sutcliffe, 1978; Chaplain, 1995; McCormick, 1997; Lau, 2002; Lemaire, 2009; Ages, 2011).

Antaranya ialah kajian oleh Van Dick dan Wagner (2001) yang mendapati bahawa faktor beban kerja merupakan penyumbang utama terhadap stres guru. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa stres yang dialami oleh guru akan memberi kesan negatif bukan sahaja dari segi fisiologi seperti tekanan darah tinggi, malahan ia turut memberi kesan kepada tingkah laku guru. Begitu juga dengan Tang dan Yeung (1999) dan Lau (2002) dalam kajian sekolah menengah di Hong Kong juga mendapati, faktor beban tugas telah menyebabkan stres kepada guru hingga boleh mengundang burnout. Fenomena ini turut disokong dalam kajian Kokkinos (2007) dan Kumarakulasingam (2002).

Montgomery dan Rupp (2005) telah menjalankan analisis-meta terhadap 65 kajian lepas berkaitan stres guru bermula dari tahun 1998 hingga 2003 bagi mengenal pasti pelbagai punca yang menyebabkan guru menjadi stres. Dapatan menunjukkan terdapat tiga faktor stres luaran secara sederhana mempengaruhi peningkatan burnout dalam kalangan guru. Faktor-faktor tersebut ialah tingkah laku pelajar, bebanan kerja atau tuntutan kerja, dan sokongan daripada rakan sekerja.

Kyriacou dan Chien (2004) juga dalam kajian mereka ke atas guru sekolah rendah di Taiwan mendapati bahawa 48 peratus responden berada pada tahap stres sederhana. Seterusnya beberapa kajian yang bertujuan mengkaji samada faktor demografi mempunyai hubungan dengan tahap stres guru turut menjadi tumpuan penyelidik-penyelidik. Ling (2008) mendapati pengalaman mengajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap stres guru. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lebih lama didapati mengalami stres yang lebih tinggi berbanding guru yang kurang pengalaman. Kajiannya terhadap guru sekolah menengah di Hong Kong menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya turut melaporkan bahawa guru yang mengajar di tahap yang tinggi lebih stres dari segi tingkah laku, emosi dan keletihan berbanding guru yang mengajar di tahap rendah.

Sebaliknya dalam kajian Gelman (2008) terhadap guru biasa dan guru pendidikan khas di sekolah rendah dan menengah di New York yang bertujuan melihat apakah pembolehubah-pembolehubah demografi seperti jantina, umur dan pengalaman mengajar yang menyumbang kepada stres guru mendapati dapatan yang bertentangan dengan dapatan Ling (2008) iaitu, semakin meningkat umur dan pengalaman seseorang guru, maka, semakin berkurangan stres yang dialami. Namun, kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi tahap stres antara guru-guru biasa dan guru pendidikan khas. Ini bermakna tahap stres guru biasa adalah sama dengan guru khas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar di daerah Kuala Nerus. Guru-guru diminta menilai iklim sekolah dan stres kerja masing-masing. Kajian adalah secara kuantitatif dan guru-guru telah diberikan borang soal selidik berdasarkan skala likert. Analisa data ujian-t bagi sampel bebas dan korelasi telah digunakan dalam kajian ini. Ujian-t bagi sampel bebas bertujuan membandingkan nilai min antara dua kumpulan sampel yang tidak saling bergantung (bebas) antara satu sama lain. Penyelidikan korelasi adalah kajian tentang hubungan linear antara dua pemboleh ubah.

Dalam kajian ini, borang soal selidik telah digunakan sebagai medium bagi mendapatkan data-data maklumat mengenai latarbelakang demografi responden serta pengukuran bagi setiap pembolehubah kajian. Dalam membentuk set soal selidik kajian, ia dibahagikan kepada tiga (3) bahagian, iaitu; Bahagian A (Latarbelakang Demografi); Bahagian B (Pengukuran Dimensi Iklim Sekolah), dan bahagian C (Pengukuran Stres Guru).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, dapatan menunjukkan bahawa tahap iklim sekolah menengah kategori A di daerah Kuala Nerus secara keseluruhannya adalah tinggi ($M = 3.45$, $SD = .48$), manakala tahap iklim sekolah menengah kategori B di daerah Kuala Nerus secara keseluruhannya juga adalah tinggi ($M = 3.62$, $SD = .82$).

Jadual 1
Min Bagi Setiap Dimensi Iklim Sekolah

Kategori Sekolah		Komunikasi	Kerjasama	Pentadbiran	Murid
A	Min	3.45	3.43	3.41	3.44
	Sisihan Piawai	.482	.553	.515	.696
B	Min	3.62	4.11	3.83	3.47
	Sisihan Piawai	.817	.615	.518	.780
Jumlah	Min	3.49	3.59	3.51	3.45
	Sisihan Piawai	.580	.636	.543	.713

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, dapatan menunjukkan bahawa tahap stres guru sekolah menengah kategori A di daerah Kuala Nerus secara keseluruhannya adalah sederhana ($M = 2.90$, $SD = .86$), manakala bagi sekolah menengah kategori B di daerah Kuala Nerus secara keseluruhannya adalah rendah ($M = 3.23$, $SD = .61$).

Jadual 2
Min Bagi Stres Guru

Kategori Sekolah	Min	Sisihan Piawai
A	2.90	.859
B	3.23	.605
Jumlah	2.98	.816

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap stres guru sekolah menengah di daerah Kuala Nerus kategori A adalah pada tahap sederhana dan manakala sekolah menengah kategori B adalah tinggi.

Jadual 3 di bawah menunjukkan keputusan analisis perbezaan stres berdasarkan kumpulan jantina lelaki dan perempuan. Keputusan menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi lelaki adalah 3.16 (0.54) dan perempuan adalah 2.94 (0.86). Seterusnya keputusan ujian-t mendapati bahawa nilai t adalah 1.396, pada paras signifikan 0.29, $p < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa kajian dapat menunjukkan perbezaan stres berdasarkan jantina secara signifikan, maka kajian menerima H_01 .

Jadual 3

Pembolehubah	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	T	Sig.	Keputusan Ujian-t Stres berdasarkan Jantina
Jantina	Lelaki	3.16	0.54	1.396	0.29	
	Perempuan	2.94	0.86			

* $p < 0.01$, ** $p < 0.05$

Jadual 4 di bawah adalah keputusan analisis korelasi antara dimensi iklim sekolah dan stres. Keputusan analisis "bivariate" menunjukkan bahawa hubungan antara dimensi komunikasi dan stres adalah pada nilai korelasi ($r = -0.158$) dan paras signifikan ($p > 0.05$). Oleh itu, kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi komunikasi dan stres, maka kajian telah gagal untuk menolak H_02 (a).

Seterus analisa di antara dimensi kerjasama dan stres. Analisa mendapati nilai korelasi $r = -.034$ dan paras signifikan ($p > 0.05$). Kajian mendapati tidak ada hubungan antara dimensi kerjasama dan stres secara signifikan, dengan ini H_0 (b) diterima.

Analisa seterusnya dibuat di antara dimensi pentadbiran dan organisasi dan stres. Nilai korelasi yang diperolehi menunjukkan nilai $r = -.135$ dengan paras signifikan ($p > 0.05$). Oleh itu, kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi pentadbiran dan organisasi dengan stres. H_0 (c) diterima.

Yang terakhir, analisa antara dimensi murid dengan stres. Daripada nilai korelasi yang ditunjukkan ($r = -.117$) dan paras signifikan ($p > 0.05$), tidak terdapat hubungan secara signifikan antara dimensi murid dengan stres. H_0 (d) gagal ditolak.

Jadual 4
Keputusan Analisis Korelasi Dimensi Iklim Sekolah dan Stres

Pembolehubah	Dimensi Komunikasi	Dimensi Kerjasama	Dimensi Pentadbiran & Organisasi	Dimensi Murid
Stres	-.059	-.034	-.135	-.117
Dimensi Komunikasi	-	0.478 (0.00)**	0.803**	0.625**
Dimensi Kerjasama	-	-	0.660**	0.547**
Dimensi Pentadbiran & Organisasi	-	-	-	0.694**
Dimensi Murid	-	-	-	-

* $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan berdasarkan empat (4) objektif utama seperti yang dibincangkan di dalam bab satu iaitu menentukan min tahap iklim sekolah menengah, min tahap stres guru sekolah menengah, perbezaan tahap stres berdasarkan demografi jantina dan hubungan dimensi iklim sekolah terhadap stres guru. Hasil dapatan kajian mendapati keempat-empat dimensi iklim sekolah dan stres yang tinggi di kalangan responden. Keadaan ini perlu dipandang serius oleh pihak pentadbiran seperti pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam memantau dan menangani permasalahan ini. Justeru itu, sebarang implikasi buruk dapat dibendung daripada terus menular dan seterusnya menjejaskan kualiti pendidikan di negara kita. Kajian berkenaan dengan perbezaan stres berdasarkan elemen demografik guru tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan dengan stres di kalangan responden. Keadaan ini menunjukkan bahawa stres boleh berlaku kepada sesiapa sahaja baik perempuan mahupun lelaki, berkahwin atau masih bujang tidak kira di mana mereka tinggal. Selain itu stres juga boleh berlaku kepada mereka yang berpendapatan tinggi walaupun ada pendapat mengatakan bahawa kumpulan berpendapatan rendah lebih cenderung untuk mengalami stres.

Hasil dapatan kajian yang terakhir menunjukkan bahawa, iklim sekolah dan tiga (3) dimensinya tidak mempengaruhi stres secara signifikan kecuali dimensi ketiga iaitu pentadbiran dan organisasi yang mempunyai hubungan negatif dengan stres yang signifikan. Hasil dapatan kajian mendapati sekiranya dimensi pentadbiran dan organisasi tinggi, maka stres akan menurun, sebaliknya sekiranya pentadbiran dan organisasi menurun, tahap stres akan meningkat. Ini selaras dengan beberapa sorotan karya seperti yang dibincangkan di dalam bab tiga. Antaranya Stevenson & Harper (2006) dan Tehrani (2002). Pada pandangan mereka, seseorang itu akan mengalami stres sekiranya wujud pengurusan dan pentadbiran serta organisasi yang lemah.

Dapatan kajian ini akan memberi satu maklumat baru kepada pihak sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan sekolah terutamanya dalam menangani permasalahan berkaitan keguruan. Sekiranya pihak pentadbiran sedar akan peranan mereka dan sentiasa mengutamakan kebajikan guru tanpa mengabaikan aspek lain, masalah berkaitan dengan isu stres atau tekanan guru dapat di atasi.

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan sebagai teras pembangunan pendidikan kebangsaan perlu dilihat sebagai salah satu titik permulaan memperkasakan sistem pendidikan dan juga sebagai salah satu kaedah kerajaan untuk memartabatkan profesion perguruan. Sebarang keputusan seharusnya berpusat guru-guru dan murid-murid dan tidak hanya memfokuskan satu-satu pihak sahaja. Sebarang pelaksanaan dasar atau program baru perlu dikaji sedalam-dalamnya termasuk mengkaji kesan yang bakal terkena kepada pihak guru, sama ada aspek positif atau pun negatif. Pelaksanaan yang hanya mementingkan sebelah pihak hanya mengundang masalah seperti stres dan lain-lain masalah yang banyak kita dengar saban hari. Manakala guru pula, sebagai pihak yang menerima tugas dan tanggungjawab untuk mendidik generasi pelapis negara "modal insan" seharusnya sedar dan bijak dalam menangani isu-isu yang boleh menimbulkan masalah kepada diri dan tanggungjawab mereka. Guru-guru perlu bijak untuk membebaskan diri dari belenggu masalah serta berusaha untuk memartabatkan diri dan profesion yang dipegang mereka. Tugas dan tanggungjawab adalah amanah Allah dan merupakan segunung harapan setiap ibubapa.

Memandangkan hasil kajian menunjukkan tahap stres yang tinggi, maka sewajarnya pihak pentadbiran dan pengurusan seperti sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri atau Daerah memantau perkara-perkara yang dilihat sebagai punca peningkatan stres di kalangan guru-guru. Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan khususnya perlu membentuk atau membangunkan satu kumpulan sokongan sosial terhadap guru. Selama ini sebarang permasalahan berkaitan guru hanya diselesaikan oleh guru, tapi kini perlu ada satu instrumen berfokus dalam membantu guru-guru yang bermasalah ini.

Bagi penyelidikan akan datang yang melibatkan guru-guru, jumlah populasi perlu ditambah agar sampel perlu lebih besar dapat diperolehi supaya perolehan data untuk dianalisa lebih tepat. Selain itu, penyelidikan ini boleh dilakukan terhadap guru-guru di sekolah menengah bagi melihat perbezaan tahap iklim sekolah bagi kedua-dua jenis sekolah tersebut dan melihat hubungan stres guru dengan iklim sekolah.

Hasil dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat menjawab beberapa soalan kajian mengenai tahap iklim sekolah dan stres guru di sekolah menengah daerah Kuala Nerus. Kajian ini juga telah berjaya mendapatkan hubungan di antara iklim sekolah dan stres guru. Seterusnya, kajian ini berjaya mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara iklim sekolah dan stres guru di dua kategori sekolah menengah iaitu kategori A dan B.

Namun demikian, banyak lagi soalan yang perlu dikaji dalam aspek ini. Justeru, beberapa kajian lain diperlukan untuk membantu aspek-aspek kajian yang tidak diberi tumpuan dalam kajian ini. Berikut adalah beberapa cadangan yang diberikan untuk meneruskan kajian lanjutan dalam bidang ini:

Kajian ini adalah terbatas kepada sekolah-sekolah menengah kategori A dan B di daerah Kuala Nerus sahaja. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dengan melibatkan semua sekolah menengah di seluruh Malaysia agar maklumat yang menyeluruh berkaitan tahap iklim sekolah dan hubungannya dengan stres guru di Malaysia dapat digambarkan secara komprehensif.

Kajian ini tidak memberikan fokus kepada kategori sekolah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. Corak pengurusan sekolah adalah berbeza untuk sekolah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah, Manakala, hubungan antara komuniti di dalam sekolah adalah juga berbeza mengikut kategori.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan sebuah sekolah kategori A dan sebuah sekolah kategori B. Kajian perlu diperluaskan ke semua sekolah yang terdapat dalam daerah Kuala Nerus. Dengan itu dapatan yang diperolehi akan lebih kukuh lagi dan merangkumi sampel yang lebih meluas.

Kajian ini hanya melihat hubungan iklim sekolah dengan stres guru sahaja tetapi tidak melihat kepada perkaitannya dengan stail-stail kepimpinan Pengetua sekolah tersebut. Kajian lanjutan boleh dijalankan

dengan menggunakan pemboleh ubah ciri pengetua atau stail kepimpinan pengetua dengan tahap iklim sekolah dan stres guru. Oleh itu dapatan kajian akan lebih bermakna dan mendalam.

RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam iklim sekolah di antara sekolah kategori A dan B. Ini menunjukkan kajian tidak sesuai dilakukan untuk melihat perbezaan iklim sekolah untuk sama kategori iaitu sekolah harian biasa. Mana kala, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepuasan kerja guru di antara sekolah gred A dan B. Seperti dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan songsang di antara iklim sekolah dan stres guru. Ini membuktikan bahawa iklim sekolah yang positif atau negatif akan mempengaruhi stres guru.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya, mestilah memperkenalkan konsep iklim sekolah berkesan ke sekolah-sekolah di bawah seliaannya. Iklim sekolah positif akan mempengaruhi stres guru. Apabila guru memiliki stres yang stabil dalam kerjanya, maka prestasi pelajar pula akan meningkat. Seterusnya memartabatkan bidang pendidikan di Malaysia ke tahap lebih baik.

RUJUKAN

- Adenike, A. (2011). Organizational climate as a predictor of employee job satisfaction: evidence from Covenant University. *Business Intelligence Journal*, 4(1), 151-165.
- Anderson, C.S. (1982). The search for school climate: A review of the research. *Review of Educational Research*, 52 (3), 368-420.
- Annierah Maulana Usop, Kamaruzaman Askandar, Langguyuan-Kadtong, M., dan Amir Sajid Onotan Usop. (2013). Work performance and job satisfaction among teachers. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(5), 245-252.
- Atwool, N. (1999). Attachment in the school setting. *Journal of Educational Studies*, 34(2), 309-22.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, & Tee, S.K. (2003). *Occupational stress among technical teachers in technical school in Johore, Malacca*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, & Mazeni Ismail. (2009). *Faktor-faktor yang mempengaruhi stres di kalangan guru sekolah menengah di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Babu, A., & Kumari, M. (2013). Organizational climate as a predictor of teacher effectiveness. *European Academic Research*, 1(5), 553-568.
- Bai, N., Piri, R., & Piri, A. (2014). Investigating school organizational climate and job satisfaction from Kalale physical education teachers' point of view. *Research Journal of Sport Science*, 2(2), 45-49.
- Bandura, A. (1971). *Social learning theory*. Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Belias, D., & Koustelios, A. (2014). Organizational culture and job satisfaction: a review. *International Review of Management and Marketing*, 4(2), 132-149.
- Brookover, W.B., Schweitzer, J.H., Schneider, J.M., Beady, C.H., Flood, P.K. & Weisenbaker, J.M.(1978). Elementary school social climate and school achievement. *American Educational Research Journal*, 15 (2), 301-18.
- Bulach, C.R., Malone, B. & Castleman, C. (1995) An investigation of variables related to student achievement. *Mid-Western Educational Researcher*, 6(2), 23-9.
- Cavana, R.Y., Delahaye, B.L., & Sekaran, U. (2001). *Applied business research: Qualitative and quantitative methods*. Australia: John Wiley & Sons Ltd.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan (Buku 1): Kaedah penyelidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur : McGraw-Hill.
- Chinthala, G. (2014). Organizational climate a predictor of job satisfaction among teachers. *International Journal of Research (IJR)*, 1(6), 880-886.
- Collie, R.J., Shapka, J.D., & Perry, N.E. (2012). School climate and social-emotional learning: Predicting teacher stress, job satisfaction, and teaching efficacy. *Journal of Educational Psychology*, 104(4), 1189-1204. doi: 10.1037/a0029356
- Conley, S., & Woosley, S.A. (2000). Teacher role stress, higher order needs and work outcomes. *Journal of Educational Administration*, 38 (2), 179- 201.

- Creswell, J.W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluation quantitative and qualitative research* (4thed.). Boston: Pearson Education.
- Dinham, S. dan Scott, C. (2000). Moving into the third, outer domain of teacher satisfaction. *Journal of Educational Administration*, 38(4).379-396
- Dorman, J. (2003). Testing A Model For Teacher Burnout Australia. *Journal of Education & Developmental Psychology*, 3, 35-47
- Duyilemi, B.D.(1990). Determinants of the Job Satisfaction Among Nigerian Teachers. *International Journal of Educational Theory and Practice*.
- Fairbrother, K. and Warn, V. (1997), Workplace dimensions, stress and job satisfaction. *Journal of Managerial Psychology*, 18(1), 8-21.
- Faith, C.O., & Kenneth, A.O. (2012). The influence of principals' leadership styles on secondary school teachers' job satisfaction. *Journal of Educational and Social Research*, 2(9), 45-52. doi:10.5901/jesr.2012.v2n9p45
- Faizuniah Pangil, Khulida Kirana Yahya, Johanim Johari, Mohd Faizal Md Isa, & Zulkiflee Daud (2011). The relationship between organizational climate and job satisfaction: the case of a government agency in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(12), 152-160.
- Fauziah Noordin, & Kamaruzzaman Jusoff. (2009). Levels of job satisfaction amongst Malaysian academic staff. *Asian Social Science Journal*, 5(5), 122-128.
- Freiberg, H.J. (1998). Measuring school climate: let me count the ways. *Educational Leadership*, 56 (1), 22-26.
- Gallay, L, & Pong,S (2004). School climate and students intervention strategies. *Prevention Research Annual Meeting*. Quebec City
- Ghazi, S.R. (2012). Facet-specific job satisfaction and experience of elementary school head teachers in Pakistan.*International Journal of Developing Societies*, 1(4), 159-168. doi: 10.11634/216817831201237
- Herzberg, F., Mausner, B., & Snyderman, B. B., (1959). *The motivation to work*. (2nded.). New York, NY: John Wiley Sons.
- Hellriegel, Slocum, & Woodman (2001). *Organizational behaviour*. (9thed). South Western.US
- Jeswani, S., & Dave, S. (2012). Impact of organizational climate on turnover intention: an emprical analysis of faculty member of technical education of India. *International Journal of Business Management & Research (IJBMR)*, 2(3), 26-44.
- Junaidah Mohamad, & Nik Rosila Nik Yaakub (2013). Kajian tentang kepuasan bekerja guru-guru pendidikan khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103-115.
- Johnson, W.L., & Johnson, A.M. (1993). Validity of the quality of school life scale: a primary and second-order factor analysis. *Educational and Psychological Measurement*. 53(1).145-53.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sampel size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kimbrough, R., & Burkett, C. (1990). The principleship.:Concepts and practises. Prentice-Hall.NJ Kyriacou, C. (2001). Teacher stress: directions for future research. *Educational Review*, 53(1) 27-35.
- Lester, P. E. (1987). Development and factor analysis of the teacher job satisfaction questionnaire (TJSQ). *Educational and Psychological Measurement*. 47(1), 223-233.
- Litwin, G. H., & Stringer Jr, R. A. (1968). *Motivation and climate*. Boston, MA: Harvard University Press.
- Maslach, C. & Schaufelli, W. (2000). Job burnout. *Annual Review of Psychology*, 52, 397-422.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50, 370-396.
- Mashayekhi, M., Sajjadi, S.A.N., & Tabrizi, K.G. (2013). The relationship between organizational climate school and job involvement of physical education teachers. *Switzerland Research Park Journal*, 102(10), 962-968.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok, S.S. (2011). *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku* (Edisi Ketiga). Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Murage, W.S., & Kibera, W.L.(2014). Teachers related factors that influence secondary school teachers job satisfaction levels in public secondary schools in Mombasa District, Kenya. *Journal of Education Research and Behavioral Sciences*, 3(6), 148-153.
- Noraaini Mustapha. (2013). Measuring job satisfaction from the perspective of interpersonal relationship and faculty workload among academic staff at public universities in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 4 (15), 120-124.

- Nurharani Selamat, Nur Zahira Samsu, & Nur Shaminah Mostafa Kamalu. (2013). The impact of organizational climate on teacher's job performance. *Journal of Educational Research*, 2(1), 71-82. doi: 10.5838/erej.2013.21.06
- Omolayo, B.O., & Ajila, C.K. (2012). Leadership styles and organizational climate as determinants of job involvement and job satisfaction of workers in tertiary institutions. *Business and Management Research*, 1(3), 28-36. doi : 10.5430/bmr.v1n3p28
- Ozen, Y. (2013). Relationships of various social psychological variables with primary teachers' job satisfaction. *The Online Journal of Counseling and Education*, 2(3), 59-82.
- Pashiardi, G. (2000). School climate in elementary and secondary schools: Views of Cypriot principals and teachers. *International Journal of Educational Management*. 14(4), 224-37.
- Pashiardis, G. (2008) Toward a knowledge base for school climate in Cyprus's schools. *International Journal of Educational Management*, 22(5), 399-416.
- Pathania, A. (2011). Teachers' role in quality enhancement and value. *Journal of Education Academe*, 14(1), 19-28.
- Palaniappan, A.K. (2009). *Penyelidikan dan SPSS*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Rani, R., & Rani, P. (2014). Influence of organizational climate of elementary school on job satisfaction of elementary teachers. *International Journal of Science, Environment and Technology*, 3(2), 652-658.
- Raza, S.A. & Shah Arid, P.M.A. (2010). Impact of organizational climate on performance of college teachers in Punjab. *Journal of College Teaching & Learning*, 7(10), 47-52.
- Ritz, R., Burris, S., & Brashears, T. (2013). The effects of a time management professional development seminar on stress and job satisfaction of beginning agriscience teachers in West Texas. *Journal of Agricultural Education*, 54(3), 1-14. doi:10.5032/jae.2013.03001
- Saeed, M., Gondal, M.B., & Bushra. (2005). Assessing achievement of primary grader students and factors affecting achievement in Pakistan. *International Journal of Educational Management*. 19(6), 486-499.
- Saxena, S., & Shabana. (2012). Correlational study between teachers job satisfaction and educational attainment of students in various school organizational climate. *International Journal of Current Research*, 4(12), 73-75.
- Shahbazi, S., Janani, H., & Najafzadeh, M.R. (2013). The relationship between organizational climates with job satisfaction of educational teachers at high school grade of Ardabil city. *European Journal of Experimental Biology*, 3(5), 566-372.
- Shirzadi, R., Shad, J.R., Nasiri, M., Abdi, H., & Khani, S. (2013). The relation of organizational climate and Job motivation with organizational commitment of new employed teachers of physical education of educations and training administration in Kermanshah Province, Iran. *Advances in Environmental Biology Journals*, 7(13), 4084-4088.
- Staples, D.S., & Higgins, C.A. (1998). A study of the impact of factor importance weighting on job satisfaction. *Journal of Business and Psychology*, 13, 211-232.
- Stevenson, A., & Harper, S. (2006). Workplace stress and the student learning experience. *Quality Assurance Education*, 4(2), 167-178.
- Sutton, R.I. (1984) Job stress among primary and secondary school teachers: Its relationship to ill-being. *Work and Occupations*. 11(1), 7-28.
- Tajnia, J., Honari, H., Ranjdust, S., & Ebadi, N. (2014). Job satisfaction of physical education teachers in East Azerbaijan Province, Iran. *Bulletin of Environment, Pharmacology and Life Sciences. AELS*, 3(2), 57-62.
- Werang, B. R. (2014). Principals' managerial skills, school organizational climate, and teachers' work morale at state senior high schools in Merauke Regency, Papua, Indonesia. *International Journal of Science and Research*, 3(6), 691-695.
- Werang, B.R., & Lena, L. (2014). Relationship between principal's leadership, school organizational climate, and teachers' job performance at state senior high school in Merauke Regency, Papua, Indonesia. *International Education and Research*, 2(6), 635-640.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2011). Kepimpinan dan iklim organisasi sekolah. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, & Soaib Asimiran, *Transformasi kepemimpinan pendidikan: Cabaran dan hala tuju* (m.s. 24-38). UPM. Serdang.
- Zulhamri Abdullah, & Jong, H. (2014). The relationship between communication satisfaction and teachers' job satisfaction in the Malaysian primary school. *Asian Journal of Humanities and Social Sciences (AJHSS)*, 2(2), 58-71.

Zuraimy Ali, Azizi Abu Bakar & Mohd Nor Jaafar. (2016). Tekanan kerja sertahubungannyadengankomitmen guru pendidikan islam terhadap organisasi. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(2), 69-79.